

BYOND®

LEBIH 10,000 NASKAH TELAH DIMILIKI
**BUKU
TERLARIS**

TAX EXPERT

3.04 10 STRATEGI URUS CUKAI GAYA EXPERT

AZLI


AZLI MUHAMAD



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA



BYOND[®]



Pengarang

AZLI MUHAMMAD

PUSTAKA PERDANA



1013335

BYOND®

Byond Success Sdn Bhd (1113174-U)
85-1, Dataran Dwitasik, Jalan Dwitasik 1,
Bandar Sri Permaisuri, 56000 Cheras,
Kuala Lumpur.

Customer Service: 017-334 2644

Emel: customercare@byondsuccess.com

Website: www.byondsuccess.com



@Azli Muhamad



@azlimuhamad86



@azlimuhamad86

**Terbitan Byond Success Sdn Bhd,
Hakcipta © 2019 oleh Byond Success Sdn Bhd**

Cetakan Pertama Februari 2019

Cetakan Kedua Mac 2022

Cetakan Ketiga Mei 2022

Cetakan Keempat Jun 2023

Hakcipta terpelihara: Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara sekalipun, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis Byond Success Sdn Bhd.

Pengarang Penerbitan	:	Azli Muhammad
Pengurus Besar	:	Farhan Johari
Pengurus Penerbitan	:	Zulfadhli Talib
Pengarah Seni	:	Amirul Hafis
Perolehan	:	Malik Hairuddin
Editor Pengurusan	:	Farhan Johari
Rekaan Kulit/Rekaletak Grafik	:	Muhammad Mujid



@byondsuccess



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

ISI KANDUNGAN

Penghargaan	1
Introduction	2
Face Your Fear	3
Chapter 1 : Enterprise vs Sdn Bhd	8
Benefits of Sdn Bhd	9
Kos Pengurusan Sdn Bhd	12
Case Study	14
Chapter 2 : Director's Salary & Benefit	17
Claim vs Allowances	18
Employees Provident Fund (EPF)	19
Other Benefit: House Rental & Car Loan	20
Meals & Entertainment	21
Leave Passage	21
Multiple Director	22
Case Study	24
Chapter 3 : Kereta Syarikat	25
Kegunaan Bisnes vs Peribadi	26
Kenderaan Perdagangan vs Kenderaan Peribadi	28
Kereta Sewa	31
Case Study	33
Chapter 4 : Zakat & Donation	34
Zakat vs Donation	35
Chapter 5 : Income	37
Commission vs Sales	38
Gross Profit Margin	39
Case Study	40

Chapter 6 : Allowable vs Non Allowable Expenses	41
Allowable vs Non Allowable Expenses	42
Chapter 7 : Tax Installment	45
Tax Installment	46
Chapter 8 : Tax Calendar	48
Tax Calendar - Due Date	49
Type of Tax Form	51
Kesalahan, Denda & Penalti	58
Chapter 9 : Interest, Dividend & Royalty	60
Interest, Dividend & Penalty	61
Chapter 10 : Other's Tax Exemption	63
Compensation Revenues	64
Pension	64
Retirement Benefits	65
Bonus	66
Penutup	70

PENGHARGAAN

Alhamdulillah syukur kepada Allah atas segala limpahan ilmu dan rezeki-Nya, akhirnya buku **TAX EXPERT : 10 STRATEGI URUS CUKAI GAYA EXPERT** berjaya diterbitkan pada pembuka tahun 2019, khusus buat anda, usahawan semua.

Sepanjang 10 tahun pengalaman saya berkecimpung dalam bidang perakaunan, pengauditan dan percukaian ini, saya dapati kebanyakan usahawan sering mengutarakan persoalan asas yang sama, iaitu berkaitan dengan masalah cukai. Atas sebab itu saya ingin berkongsi segala strategi percukaian melalui buku ini.

Justeru saya berharap dengan terbitnya buku ini, dapatlah membantu para usahawan semua mengatur strategi dalam menaikkan keuntungan syarikat dan seterusnya syarikat anda dapat pergi lebih jauh.

INTRODUCTION:

FACE YOUR FEAR

**“People fear
what they don't
understand
and hate what
they can't
conquer.”**

Ramai orang nampak bisnes adalah cara mudah untuk buat duit. Atas sebab tu ramai usahawan di luar sana yang mencuba untuk berbisnes.

Apatah lagi bisnes yang dia buat tu menjadi dan berjaya buat keuntungan besar. Namun pada masa yang sama masih menggunakan Enterprise walaupun dia sudah menjalankan bisnes tersebut 5 hingga 20 tahun.

Kebanyakan bisnes yang dah lama guna Enterprise ni dia tak pernah buat akaun, buat tax mahupun hantar tax ke Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).

Di Malaysia ada lebih kurang 6.8 juta Enterprise dan tak semua bisnes tersebut dalam pemerhatian LHDN kerana penguatkuasaan mereka masih lagi lemah (setakat sekarang).

Oleh sebab LHDN tak boleh nak monitor semua bisnes, jadi ramai pemilik bisnes yang tidak sedar atau buat-buat lupa untuk buat akaun syarikat atau submit tax.

Cumanya 5 hingga 6 tahun kebelakangan ini, kebanyakan pemilik bisnes dah mula sedar selepas berlakunya banyak enforcement (penguatkuasaan) dan kes mahkamah keluar akibat tak hantar dan bayar cukai.

Justeru ini menjadi ketakutan buat pemilik bisnes menyebabkan mereka tak boleh berfikir secara waras.

Kenapa saya cakap macam tu? Kerana ramai klien yang saya jumpa merasakan bahawa mereka perlu tutup Enterprise mereka sebab kalau mereka declare semua tax, mereka perlu bayar berjuta-juta ringgit sedangkan bisnes tiada untung.

Itu persepsi yang mereka ada. Itu ketakutan yang berlaku sebab mereka tak tahu dan tak pernah kira tax.

Pemikiran ini adalah satu pemikiran yang tidak sihat terutamanya buat pemilik bisnes. Kenapa? First anda perlu faham kadar cukai terlebih dahulu.

KADAR ANGGARAN CUKAI TAHUNAN INDIVIDU (ENTERPRISE / BERGAJI)

PENDAPATAN / BULANAN	PENDAPATAN / KEUNTUNGAN	ANGGARAN CUKAI TAHUNAN	PCB (TANPA CARUMAN KWSP)
1,000 - 3,000	36,000	0.00	0.00
4,000	48,000	840.00	70.00
5,000	60,000	1,610.00	134.17
6,000	72,000	2,930.00	244.17
7,000	84,000	4,650.00	387.50
8,000	96,000	6,930.00	577.50
9,000	108,000	9,210.00	767.50
10,000	120,000	12,150.00	1,012.50
12,000	144,000	18,150.00	1,512.50
15,000	180,000	27,150.00	2,262.50
20,000	240,000	42,150.00	3,512.50
30,000	360,000	72,150.00	6,012.50
40,000	480,000	102,860.00	8,571.67
50,000	600,000	134,060.00	11,171.67

Ini antara soalan yang saya ajukan kepada pemilik bisnes yang saya jumpa,

“Sepanjang 5 - 10 tahun berbisnes, berapa keuntungan terkumpul yang mereka dah dapat daripada perniagaan?”

Adakah lebih RM 20,000 sebulan atau RM 240,000 setahun?”

Mereka akan tanya saya balik, **“Macam mana nak tahu keuntungan mereka?”**

Paling *simple* untuk kita tahu keuntungan kita adalah :

1. Senaraikan semua harta (rumah / kereta) yang kita dapat melalui perniagaan itu.

Contoh :

Overall asset : RM 240,000

Hutang (modal) : RM 40,000

Baki : RM 200,000 (keuntungan terkumpul sepanjang 10 tahun
berniaga)

Justeru, setahun hanya RM 20,000 sahaja keuntungan yang diperolehi.

2. Refer pada jadual cukai di muka surat sebelum, keuntungan RM 20,000 masih belum dikenakan cukai.

Jadi dapat disimpulkan bahawa kadang-kadang peniaga ini takut pada benda yang tak sepatutnya mereka takut. Sebab mereka tak tahu berapa sebenarnya anggaran cukai mereka.

Siapa yang ada isu tak tahu anggaran cukai, anda perlu berjumpa dengan individu ini:

- 1. Akauntan**
- 2. Auditor**
- 3. Tax agent (recommended)**

Minta *specialist* di atas untuk buat pengiraan dan anggarkan berapa keuntungan syarikat anda.

Penting untuk anda faham, bagi mengira keuntungan perniagaan dan mengetahui anggaran cukai syarikat, ada kos pengurusan yang wajib dikenakan seperti kos *accounting fee*.

Lebih baik anda belanjakan duit untuk bayar kos pengurusan daripada terpaksa membayar cukai kebodohan yang tinggi. Kan?

CHAPTER 1:

ENTERPRISE VS SDN BHD

BENEFITS OF SDN BHD

Dalam bab kali ini, kita akan runtkaikan satu lagi strategi yang boleh digunakan untuk kita mengurus dan mengurangkan cukai syarikat semaksimum yang boleh.

Kita akan buat perbandingan antara Enterprise dan Sdn Bhd, mana satu yang lebih membawa keuntungan kepada syarikat terutama dari segi percukaian.

Penafian : Tak wajib untuk semua perniagaan perlu ke Sdn Bhd dan boleh untuk kekal Enterprise sahaja. Akan tetapi benefit yang akan dikongsikan lebih menjurus kepada syarikat Sdn Bhd.

Dalam perniagaan boleh guna Enterprise atau Sdn Bhd. Namun jika perniagaan anda semakin maju, disarankan untuk tukar kepada Sdn Bhd.

Baiklah! mari kita lihat apa kelebihan Sdn Bhd berbanding Enterprise.

1. Boleh diwarisi atau dipindah milik

Sekiranya pemilik Enterprise meninggal dunia, bisnes tersebut secara automatik akan tutup dan tidak boleh dipindah milik kerana Enterprise adalah bisnes persendirian.

Namun sebaliknya bagi Sdn Bhd yang boleh dipindah milik mahupun diwarisi perniagaannya.

2. Cukai syarikat jadi lebih rendah

Kadar cukai bagi Sdn Bhd adalah jauh lebih murah iaitu 17% hingga 24% berbanding enterprise sehingga 28%.


3. Business automation

Lebih tertumpu pada *career path team* yang mana staf boleh dilatih dan dilantik sebagai pengarah untuk jalankan operasi syarikat tanpa kita perlu ada di pejabat.

4. Separate legal entity

Dalam syarikat ada 3 entiti berasingan yang mana sekiranya sesuatu berlaku pada salah satu entiti tersebut, ia takkan bagi kesan terutamanya pada syarikat.

3 entiti tersebut adalah Sdn Bhd, Director dan Shareholder dan saling berkait antara satu sama lain.



Kaitan antara 3 entiti berasingan tersebut adalah :

1. Tanggungjawab Director kepada Sdn Bhd

- Director dipertanggungjawabkan untuk menguruskan Sdn Bhd.

2. Tanggungjawab Sdn Bhd kepada Director

- Sdn Bhd perlu memberi ganjaran kepada Director minimum RM 5k asbab risiko penalti yang perlu ditanggung Director.

3. Tanggungjawab Shareholder kepada Sdn Bhd

- Shareholder wajib sediakan modal kepada Sdn Bhd untuk operasi syarikat.

4. Tanggungjawab Sdn Bhd kepada Shareholder

- Sekiranya Sdn Bhd ada membuat keuntungan, syarikat boleh (if any) memberi dividen kepada Shareholder.
- Pemberian dividen tidak diwajibkan kecuali mendapat kebenaran daripada Director sebagai pengurus syarikat.

5. Tanggungjawab Shareholder kepada Director

- Shareholder berhak mendapatkan report audit daripada Director.
- Mempunyai kuasa untuk melantik mahupun memecat Director syarikat.

6. Tanggungjawab Director kepada Shareholder

- Director perlu keluarkan report kewangan yang telah diaudit (audit report) kepada Shareholder untuk melaporkan segala jualan dan keuntungan syarikat.

Penting untuk anda tahu bahawa Enterprise tiada pecahan mahupun kelebihan seperti di atas kerana Enterprise adalah satu entiti sahaja.

KOS PENGURUSAN SDN BHD

Setiap perniagaan yang dijalankan pasti akan ada komitmen yang perlu ditanggung. Begitu juga dengan Sdn Bhd yang mana ada beberapa kos dan komitmen yang perlu anda tahu dan faham supaya anda dapat menguruskan bisnes dengan lancar dan teratur.

1. Kos Pendaftaran Syarikat (*Incorporation Fee*)

Pendaftaran syarikat atau dikenali juga sebagai penubuhan syarikat adalah kos permulaan yang dikenakan sekali sepanjang hayat (syarikat) bagi mereka yang ingin menubuhkan syarikat Sdn Bhd.

2. Yuran Kesetiausahaan (*Retainer / Secretarial Fee*)

Bayaran bulanan yang dikenakan sebagai setiausaha syarikat untuk menjaga, mengemaskini dan menyusun maklumat syarikat mereka.

3. Kos Penyata Tahunan (*Annual Return Fee*)

Setiap tahun, semua syarikat perlu menghantar satu penyata tahunan (sama ada berlakunya perubahan atau tidak) melalui syarikat setiausaha ke SSM pada selewat-lewatnya 30 hari dari tarikh penubuhan syarikat.

4. Kos Perakaunan (*Accounting Fee*)

Penyediaan laporan kewangan syarikat perlu dibuat bagi memudahkan pengiraan cukai syarikat. Anda boleh menggaji akauntan sendiri atau melantik akauntan profesional luar untuk menyediakan laporan akaun syarikat.

5. Kos Penyata Kewangan (*Audit Report Fee*)

Seperti mana penyata tahunan, setiap syarikat juga perlu menyediakan dan menghantar satu laporan penyata kewangan yang telah diaudit ke SSM sama ada syarikat tersebut dormant atau aktif.

6. Kos Ejen Cukai (*Tax Agent Fee*)

Setiap syarikat Sdn Bhd perlu menghantar borang anggaran cukai ke LHDN dan bertanggungjawab untuk membayar cukai yang ditetapkan (sekiranya ada) selepas pengiraan cukai dibuat oleh tax agent yang dilantik.

Rujuk jadual di bawah untuk ketahui anggaran komitmen Sdn Bhd :

FEES	YEARLY
Incorporation (Daftar Syarikat)	3,000
Retainer (RM 60 - RM 100)	720
Annual Return + (Penyata Tahunan)	500
Account (RM 600 keatas sebulan x 12 Bulan)	7,200
Audit report (bergantung kepada jualan tahunan perniagaan)	3,000
Tax Agent Fee [Kos Pengiraan Cukai] (40% dari kos audit report)	1,200
TOTAL	15,620

****Kos yang terlibat di atas tertakluk kepada syarikat setiausaha anda**

Jadi, anggaran kos untuk tahun pertama bagi sebuah syarikat Sdn Bhd adalah lebih kurang RM 1,000 sebulan. Oleh sebab itu, syarikat perlu ada simpanan sekurang-kurangnya RM 10k sebulan. Jadi jika perniagaan perlu tanggung RM1,000 sebulan maka syarikat masih ada baki simpanan RM9,000 untuk menjalankan perniagaan.

CASE STUDY

Kadang kala kita perlu menyedari bahawa kita hidup di dalam dunia yang penuh dengan kejutan. Hampir setiap masa ketika saya mengendalkan urusan-urusan cukai pelanggan saya, saya pelajari sesuatu yang baru di dalam keadaan yang tidak dijangka. Ingin saya bawakan perhatian anda kepada kisah yang dialami oleh salah seorang peserta di seminar saya.

Ingin saya gelarkan peserta saya ini dengan nama ALI (bukan nama sebenar). Ali menjalankan perniagaan pakaian di salah sebuah bandar di Selangor. Perniagaan ini sudah lama didaftarkan di bawah Enterprise atau Milikan Tunggal.

Beliau mewarisi perniagaan ini dari ayahanda beliau yang sudah berpuluh tahun menjalankan bisnes ini. Sebagai generasi kedua, beliau diletakkan harapan untuk menyambung legasi tinggalan ayah beliau.

Di sini kita perlu fahami bahawa generasi kini agak berbeza dengan generasi terdahulu. Mungkin sebagai ilustrasi sahaja saya boleh kelaskan dua-dua generasi ini sebagai Gen X dan Gen Y. Gen X ini mempunyai ciri-ciri lama, kebanyakan pemikiran mereka menjurus kepada hanya perkara yang mudah. Gen X fikir cukup dengan apa yang ada tanpa apaapa perubahan. Gen X tidak percaya pada perubahan, mereka fikir bahawa perubahan akan merugikan kerana perubahan memerlukan kos dan risiko untuk gagal agak tinggi.

Gen Y pula generasi yang mahukan perubahan serta kebebasan. Gen Y suka mencipta perkara yang baru. Mereka suka pada teknologi dan automasi. Mereka tidak takut akan perubahan. Gen Y juga generasi yang sangat peka dengan maklumat dan data. Bagi mereka, setiap keputusan perlu ada bukti serta data yang menyokong.

Ternyata kedua-dua generasi ini amat berbeza dari cara pemikiran serta tindakan mereka. Beralih kepada kisah yang ingin saya ceritakan, Ali merupakan Gen Y, Ayahanda beliau merupakan Gen X. Disebabkan pemikiran yang berbeza, mereka sering bertelagah. Kata – kata yang menjatuhkan seperti “Kau muda lagi, apa yang kau tahu?” dan “Kalau kau buat semua ni nanti kalau rugi siapa yang nak tanggung?” sering dilontarkan kepada Ali. Tetapi disebabkan Ali merupakan Gen Y yang ingin berjaya, beliau tidak menghiraukan kata-kata ayahnya.

Pada pertengahan 2018, beliau berjumpa dengan saya untuk memahami perihal Sdn Bhd selepas dinasihatkan oleh Guru Pengurusan Bisnes, Tuan Haji Abdul Basit. Pertemuan empat mata bersama beliau memberi banyak kejutan yang tidak terduga.

Pertama sekali, beliau menunjukkan pada saya salinan Borang Nyata Cukai Pendapatan Perniagaan (Borang B) 2016 dan 2017. Borang itu disimpan rapi di dalam bekas files berwarna biru. Sebelum saya menceritakan lebih lanjut berkenaan isi kandungan Borang B syarikat beliau, ingin saya ceritakan perihal diri Encik Ali ini.

Setiap manusia termasuk saya sentiasa membuat kesilapan, saya mengaku bahawa saya juga bukan insan yang sempurna serta saya juga ada membuat kesilapan. Kesilapan saya ialah saya cepat menghakimi orang lain tanpa usul periksa.

Semasa berjumpa dengan En Ali, dari pandangan mata kasar saya, saya anggarkan perniagaan beliau lebih kurang puluhan ribu sahaja. Dari pengalaman saya yang agak cetek ini, saya dapati jika perwatakan luaran seperti En Ali jika menjalankan perniagaan, perniagaan beliau tidak lebih puluhan ribu sebulan. Alangkah terkejutnya saya apabila melihat Borang B beliau, jualan syarikat beliau sudah mencecah **JUTAAN RINGGIT** sebulan. Dan apa yang lebih membingungkan, jumlah cukai yang perniagaan beliau bayar melebihi **RM500,000** setahun. Inilah kali pertama saya menjumpai perniagaan yang begitu banyak jualan yang masih menggunakan enterprise dan jumlah cukai yang tidak masuk akal.

Saya seakan tidak percaya di dalam dunia perniagaan ramai usahawan seperti En Ali yang sudah membuat keuntungan jutaan ringgit tetapi masih lagi menggunakan Enterprise dan membayar cukai yang tidak sepatutnya dibayar. Mungkin disebabkan pemikiran Gen X ayahanda beliau yang menyebabkan perkara ini berlaku. Selepas itu, kajian lebih mendalam saya buat, saya mendapati jumlah stok baju yang tersimpan hampir RM2 Juta ringgit yang masih tidak terjual. Selepas semakan dan kajian saya buat terhadap perniagaan beliau, saya keluarkan satu laporan tentang penjimatan yang dapat saya buat pada perniagaan beliau. Penjimatan ini saya jelaskan pada perenggan yang akan datang.

Ramai orang nampak bisnes sebagai cara mudah untuk buat duit. Oleh sebab itu, ramai usahawan di luar sana yang cuba untuk berbisnes.

Apatah lagi, apabila bisnes yang dibuat itu menjadi dan berjaya disebabkan keuntungan besar. Namun, dalam masa yang sama masih menggunakan Enterprise walaupun dia sudah menjalankan bisnes 5 hingga 20 tahun.

Kebanyakan bisnes yang sudah menjadi Enterprise tidak pernah membuat akaun, tax mahupun hantar tax ke Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).

Kebanyakan direktor rasa takut apabila pihak LHDN membuat semakan audit terhadap syarikat mereka disebabkan keuntungan berjuta-juta namun tidak membayar cukai. Sebab apa? Sebab mereka tidak faham dan tiada penerangan diberikan kepada para usahawan.

**“People fear what they don’t understand
and hate what they can’t conquer.”**

Dalam buku ini saya akan terangkan beberapa strategi yang boleh anda guna untuk mengurangkan cukai perniagaan syarikat anda.

Diterbitkan oleh:

BYOND SUCCESS SDN BHD (1113174-U)

85 - 1, Dataran Dwitasik, Jalan Dwitasik 1,
Bandar Sri Permaisuri, 56000 Cheras, Kuala Lumpur.

Pejabat : 03 9174 1547

Website: www.byondsucces.com

ISBN 978-967-14520-5-9



9 789671 452059